

Penduduk Taman Semenyih resah dilanda banjir lumpur

KAJANG – Kira-kira 40 penduduk rumah teres di Taman Semenyih Indah di sini buntu apabila sering dihantui kejadian banjir lumpur serta kumbahan yang berpunca dari sebatang sungai kecil bersebelahan taman perumahan berkenaan.

Terbaru, kediaman di taman tersebut dilanda banjir lumpur yang naik hingga ke paras pinggang menyebabkan para penduduk mengalami kerugian ekoran pelbagai harta benda rosak akibat bencana berkenaan pada Sabtu lalu.

Menurut S. Nagandran, 48, dalam kejadian kira-kira pukul 6 petang itu, rata-rata penduduk tidak sem-

pat menyelamatkan harta benda kerana banjir lumpur naik dengan mendadak.

“Masalah itu sudah berlanjutan sejak dua tahun lalu dan kami telah membuat aduan kepada pihak berwajib, namun masih tidak mendapat perhatian sepenuhnya,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Nagandran menambah, banjir di kawasan itu bukan hanya membawa lumpur malah menyebabkan air kumbahan di sebuah loji rawatan bersebelahan sungai kecil berkenaan melimpah sama.

Sementara itu, Ahli Dewan Un-

dangan Negeri Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz meminta pihak berkaitan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi menangani masalah banjir lumpur tersebut.

Katanya, selain kawasan Taman Semenyih Indah, beliau difahamkan terdapat beberapa kawasan perumahan lain berdekatan turut mengalami masalah sama.

Sementara itu, wakil Ahli Majlis Perbandaraan Kajang, Bryan Lei ketika ditemui berkata, pihaknya telah melakukan siasatan mengenai punca kejadian banjir lumpur itu dan mendapati, aliran sungai terbabit tersumbat di sebuah kawasan perindustrian, kira-kira satu kilometer dari taman perumahan tersebut.



JOHAN



BEBERAPA penduduk menunjukkan masalah aliran air hingga menyebabkan banjir lumpur setiap kali hujan lebat di Taman Semenyih Indah, Semenyih semalam.

Rumah panjang yang didiami sejak 14 tahun lalu musnah dalam kebakaran